

**Ketua Pengarah**  
Datuk Abang Sallehuddin Abg. Shokeran

**Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)**  
Haji Md. Johari Hasan

**Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)**  
Haji Abd. Halim Haji Harun

**Pengarah Penerbitan**  
Haji Razali Che Mat  
(razali3@dbp.gov.my)

**Ketua Editor**  
Dr. Rosmani Omar  
(ros\_omar@dbp.gov.my)

**Timbalan Ketua Editor**  
Aninah Janang  
(aninah@dbp.gov.my)

**Editor**  
Muhammad Lutfi Zahid  
(lutfi@dbp.gov.my)

**Penolong Editor**  
Muhammad Mubarak Ismail  
(mubarak@dbp.gov.my)

**Pentadbiran**  
Nor Fazliatul Akmar Che Rani, Siti Hazlinda  
Mohd Zulkifli, Zaidi Mohd. Salleh, Wan Mohd  
Safuan Wan Ahmad@Wan Hassan, Mohamed  
Radzuan Mohamed Noor

**Reka Bentuk Kulit dan Reka Letak Halaman**  
Elyanna Samsudin

**Pencetak**  
Peretakan Haji Jantan Sdn. Bhd.  
No. 12, Jalan 4/118C,  
Desa Tun Razak,  
56000 Cheras, Kuala Lumpur.

**Urusan Langganan**  
Bahagian Pemasaran dan Pengedaran,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Lot 1037, Jalan AU3/1,  
54200 Ampang/Hulu Kelang, Selangor.

Tel.: 03 - 4101 0033  
Faks: 03 - 4101 2019  
E-mel: pp@dbp.gov.my

# KANDUNGAN

Jilid 44 • Bil. 09/2022 • KK 800-91844-0922 • ISSN 0126-8473

- 1 **INTI PATI**  
**Harga Sebuah Identiti dan Jati Diri**
- 4 **PERDANA**  
**Wanita Bidayah Bergelang Tembaga Terakhir**  
- Rosli Mohd Nordin
- 10 **WACANA**  
**Silat dan Tamadun Bangsa**  
- Awang Sariyan
- 16 **WARISAN**  
**Kaligrafi Islam dan Motif Ukiran Kayu**  
- Noor Hayati Ismail, Nur Aisyah Safwa Rashidi, Syazwani Zamri
- 20 **TRADISI**  
**Muzik Klasik India: Muzik Karnatik**  
- Diviya Devaraj
- 25 **ISTILAH SEMASA**
- 26 **SANTAPAN MINDA**  
**Tempoh Penting Selepas Kemerdekaan**  
- Muhammad Mubarak Ismail
- 28 **ANJUNG VISUAL**  
**Rozinor Razali Menghidupkan Mimpi**  
- Mome Hashim
- 32 **LENSA**  
**Jingga Cahaya Pagi**  
- Sharkawi Che Din
- 34 **CERITERA BULAN INI**  
**Perahu**  
- Alias Ismail
- 40 **SUSUR BUDAYA**  
**Menjejak Jam Antik dalam Kembara PhD**  
- Marinah Muhammad



## Menjejak Jam Antik dalam Kembara PhD

Ada dalam kalangan kita yang berjaya mengenggam segulung PhD gemar berkongsi kisah suka duka perjalanan mengejar sebuah impian. Banyak cerita yang menyentuh rasa dan perasaan, seterusnya memberikan semangat kepada sesiapa sahaja yang membacanya. Rata-rata mengatakan

bahawa bukan senang untuk memperoleh segulung ijazah yang bergelar PhD. Pengajian doktor falsafah merupakan suatu perjalanan intelektual yang penuh kesepian. Jika tersilap langkah dan pegangan, dapat menyebabkan tekanan dan kemurungan yang akhirnya menjadi penyebab kesihatan mental.

Walaupun begitu, ada juga cerita yang tidak menarik dikongsi oleh sebahagian masyarakat menjadikan PhD seperti sebuah perjalanan intelektual yang tidak indah. Apabila tidak indah, maka memberikan rasa takut kepada sesiapa sahaja yang ingin melaluinya, termasuklah diri penulis ini. Penulis mendapat tawaran melanjutkan pengajian pada peringkat doktor falsafah dalam bidang matematik di University of Southampton, United Kingdom pada 5 Januari 2015.

Ramai yang mengucapkan tahniah dan gembira dengan berita ini. Penulis juga gembira, tetapi rasa takut dalam diri sendiri melebihi kegembiraan orang sekeliling. Perasaan ini mungkin juga disebabkan oleh terlalu banyak membaca dan mendengar kisah ngeri kawan-kawan yang telah melangkah masuk ke alam yang penuh dengan ketidakpastian ini.

Sejujurnya penulis juga mengalami nasib yang sama, walaupun tidak serupa dengan kisah yang pernah dibaca dan didengar tentang kisah PhD sebelum ini. Walau bagaimanapun, kita biarkan dahulu kisah yang tidak indah itu. Apa-apa yang ingin dikongsi di sini merupakan satu pengalaman indah penulis dalam menjejak jam antik, seiring dengan sebuah impian mengenggam segulung ijazah bernama PhD yang menjadi tujuan utama dalam kembara di bumi ini.

Minat dalam pengumpulan jam antik ini bermula apabila seorang sahabat yang bersama-sama berjuang dalam pengajian PhD di University of Southampton meminta penulis menemaninya ke deretan kedai menjual barangan terpakai yang terletak berdekatan dengan universiti itu. Dengan niat sekadar ingin melepaskan penat setelah seharian menghadap buku dan komputer,

satu demi satu kedai yang ada di kawasan tersebut kami singgah untuk menjamu mata, sehinggalah terjumpa satu kedai yang penuh dengan barangan lama.

Ketika asyik melihat aneka barang yang ada dalam kedai tersebut, mata saya terpaku dengan satu ukiran kayu yang terletak di atas meja dengan permukaan bernombor seperti jam. Apabila menghampiri objek tersebut, ternyata ianya sebuah jam. Pada waktu itu penulis hanya membelek-belek jam tersebut dan di dalam hati sememangnya terasa ingin memilikinya. Bagi penulis jam tersebut sangat unik kerana bahan utamanya diperbuat daripada kayu dan berfungsi pula secara mekanikal.

Setelah pulang ke rumah, penulis berkongsi cerita tersebut dengan suami. Rupa-rupanya, suami penulis juga secara diam telah lama memerhati objek unik ini. Menurut suami, jam tersebut dapat diperolehi dengan harga yang lebih murah di *carboot market* ataupun di laman sesawang *UK online open market*. Sejak itu, setiap kali masa lapang saya sering menjejak jam seumpamanya yang ingin dilepaskan oleh pemilik asal di pautan laman sesawang tersebut.

Disebabkan oleh misi menjejak jam antik ini, banyak informasi tentang jam dapat diketahui yang sedikit sebanyak dapat menambah ilmu dan pengetahuan tentang jam antik ini. Sebenarnya terdapat pelbagai jenis jam antik buatan British dan Eropah yang ada di pasaran antik seluruh dunia dijual dengan nilai yang sangat tinggi. Keunikan rekaan jam ini yang beroperasi secara mekanikal, diperbuat daripada kayu ampuh serta pendulum mengeluarkan bunyi denting menyebabkannya menjadi buruan para peminat jam. Disebabkan nilai dan keunikan ini,

serta restu daripada suami, maka bermulalah misi pencarian jam antik yang mungkin kurang nilainya bagi sesetengah penduduk bumi England yang mewarisinya daripada keluarga.

Kami mula menjejak jam antik ini pada akhir tahun 2016, iaitu selepas penulis lulus proposal defense dan sah sebagai calon PhD bagi program pengajian yang diikuti. Pada masa itu, suami penulis juga telah lulus ujian memandu dan mempunyai lesen antarabangsa yang sah untuk membolehkan beliau memiliki kenderaan di United Kingdom. Usaha menjejak jam antik ini lebih mudah apabila kami mempunyai kenderaan sendiri, yang turut memudahkan urusan pengajian penulis dan anak-anak, demi kelangsungan hidup di bumi asing itu. Pencarian jam ini bermula di sekitar Hampshire pada awalnya dan kemudian berkembang hingga semua bahagian di selatan dan timur England.

Sepanjang dua tahun menjejak jam antik di United Kingdom, pelbagai jenis koleksi jam antik dapat dikumpulkan. Antaranya

termasuklah 54 buah *mantel clocks*, 12 buah *wall clocks*, tiga buah *grandfather clocks*, lima buah *grandmother clocks* dan lima buah *granddaughter clocks*. Dalam kebanyakan jam ini, koleksi kesayangan penulis ialah jam yang berusia hampir 200 tahun yang dikeluarkan pada tahun 1826, iaitu *mantel clock* atau jam rak lama keluaran British, yang tidak diketahui jenama dan pengeluarannya.

Bunyi dentingan jam tersebut juga sangat unik dan jam tersebut masih berfungsi dengan baik kerana pemilik asalnya, seorang pesara lelaki berusia 82 tahun, menjaga jam tersebut dengan rapi. Beliau mewarisi jam tersebut daripada moyangnya. Disebabkan beliau dan isterinya ingin menukar tema hiasan dalaman rumah yang secara kebetulan tidak bersesuaian dengan ciri jam tersebut, maka beliau terpaksa melepaskannya dan mengharap kami dapat menjaga jam tersebut dengan baik.

Kami lebih gemar membeli jam antik daripada pemilik jam yang terdiri daripada penduduk tempatan sekitar Hampshire, United Kingdom, berbanding daripada penjual atau pengumpul barangan antik



Pelbagai jenis koleksi jam antik yang tersusun rapi di segenap ruang rumah.

kerana harganya yang berganda lebih murah. Pemilik asal jam ini kebanyakan terdiri daripada orang tua yang berumur sekitar 70 hingga 90 tahun. Golongan ini selalunya sangat baik hati dan peramah. Mereka tidak lokek untuk berkongsi cerita dengan kami tentang asal usul jam yang ingin dilepaskan.

Satu pengalaman yang berharga bagi kami apabila dapat bersembang dengan mereka yang memiliki kisah dan kenangan dengan jam yang dimiliki. Rata-rata menyatakan jam antik tersebut diwarisi daripada ibu bapa mereka yang juga mewarisinya daripada keluarga sebelumnya. Mereka terpaksa melepaskannya apabila anak-anak yang lebih cenderung susun atur dalam rumah yang moden dan tidak lagi mahu mewarisi jam tersebut daripada mereka.

Sebagai seorang ahli akademik yang juga pernah terlibat dalam kajian bidang sains sosial, aktiviti menjejak jam antik ini diumpamakan sebagai aktiviti pengumpulan data kerana melibatkan temu bual bersama-sama pemilik asal jam sebelum bertukar tangan kepada kami. Oleh sebab itu, setiap jam yang ada dalam koleksi kami ini memiliki ceritanya tersendiri. Selain data sosial, data lokasi juga diambil bagi membolehkan analisis taburan



Kenangan ketika sesi menjejak dan mengumpul data jam antik di United Kingdom.

ruang bagi jam antik ini dapat dijalankan.

Hal ini secara tidak langsung dapat menggabungkan minat dan kepakaran penulis melalui satu aktiviti yang sangat menyeronokkan sepanjang kembara PhD. Semua ini akan ditulis dalam sebuah buku dan diharapkan dapat menjadi bahan ilmiah yang sangat tinggi nilainya pada suatu hari nanti.

Jam juga sangat berkait rapat dengan bidang penulis, iaitu matematik. Perkaitan antara jam dengan matematik ini akan dikongsi kemudian. Namun begitu, itulah juga perkaitan antara jam antik dengan saya. Sememangnya ramai yang bertanya, dalam kebanyakan barang antik, mengapakah jam? Mungkin jiwa matematik yang

tebal dalam diri ini menyebabkan jam antik digambarkan sebagai seni bernombor yang sangat mahal dan tinggi nilai estetikanya.

Apatah lagi kayu ampuh daripada jenis oak yang menjadi bahagian utama jam antik ini juga ada nilai seninya tersendiri. Digabungkan pula dengan enjin mekanikal yang begitu teliti dan halus buaatannya menambahkan lagi nilai komersial jam ini. Disebabkan oleh keistimewaan yang tidak ternilai ini, maka penulis tekad untuk mengumpul sebanyak yang termampu jam antik buatan British dan Eropah ketika peluang terhidang di depan mata.

Memiliki koleksi jam antik yang banyak dan tersusun rapi di satu ruang rumah memberikan suasana yang sangat memukau bagi pandangan penggemarnya. Semua koleksi ini mengingatkan penulis tentang keindahan perjalanan PhD di bumi ratu, sebagaimana indahnya seni jam antik ini. Sementelahan penulis juga dengan jayanya dapat menggenggam segulung ijazah kedoktoran falsafah dalam bidang Matematikal Statistik selepas genap empat tahun bermusafir di bumi asing yang penuh dengan khazanah antik yang sangat tinggi nilai seninya ini. ■



Gambar keluarga penulis bersama-sama koleksi jam antik.